

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

SPU 308 - Politik Wilayah-Wilayah Pilihan

Tarikh: 13 April 1986

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab TIGA soalan. SATU dari Bahagian A dan DUA lagi soalan dari Bahagian B.

Bahagian A (40 markah)

1. "Pembangunan adalah satu konsep yang menyeluruh. Ia tidak saja bermakna pertumbuhan ekonomi atau pun pembahagian sosial pendapatan negara secara adil tetapi juga partisipasi politik serta kesedaran sosial di kalangan orang ramai".

Dengan merujuk kepada tiga buah negara Asia Tenggara, bincangkan sejauhmanakah negara-negara yang anda pilih telah pun mencapai "pembangunan" sepertimana ditakrifkan di atas.

Bahagian B (60 markah)

2. Bagaimanakah rejim-rejim tentera Sarit Thanarat dan Thamom Kittikachorn telah berjaya mengesahkan diri dan memegang kuasa politik di negara Thai daripada tahun 1958 hingga 1973. Apakah sebab-sebab yang mengakibatkan kejatuhan rejim tentera dan penggantianya dengan pemerintahan sivil pada tahun 1973-76?

(30 markah)

. . . 2/-

- 2 -

3. Sejak 1967 pihak Angkatan Bersenjata adalah pelakun utama dalam pergolakan politik Indonesia. Huraikan peranannya di dalam masyarakat Indonesia dewasa ini. Apakah masalah-masalah politik, ekonomi dan sosial yang telah pun timbul akibat daripada keadaan ini?

(30 markah)

4. Bincangkan bagaimana pemimpin-pemimpin PAP telah mengesahkan diri dan mengekalkan kedudukan mereka di pucuk kepimpinan Singapura sejak 1959.

(30 markah)

5. Apakah dimaksudkan oleh C.B. Lande dengan "ikatan patron-client" dalam konteks pergolakan politik Filipina? Menurut A. Doronila, rupa-bentuk ikatan asal ini telah diubahsuai khasnya pada waktu pemerintahan Presiden Magsaysay (1953-57) dan Presiden Marcos (1965-72). Jelaskan pengubahsuaian ini dan berikan faktor-faktor yang mengakibatkannya.

(30 markah)

- oo000oo -